

TEK UCAPAN

YANG BERTHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI

DI MAJLIS PERBARISAN SEMPENA
MEMPERINGATI PENUBUHAN
JABATAN PENJARA KE-60 TAHUN

Pada Hari Sabtu, 20 Jamadilawal 1435
Bersamaan 22 Mac 2014

Jam 8.25 pagi

Bertempat di Padang Kawat, Pusat Latihan,
Jabatan Penjara, Simpang 1111,
Kampung Bukit Panggal,
Mukim Keriam, Tutong
Negara Brunei Darussalam.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين

والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, hari ini kita menyambut usia enam puluh tahun perkhidmatan penjara. Sesungguhnya ia sangat istimewa kepada semua warga Jabatan Penjara, sama ada yang masih berkhidmat sekarang mahupun yang sudah bersara.

Syukurlah. Keistimewaan memperingati ulang tahun ke-60 ini sepatutnya juga disertai dengan kemahuan untuk berkhidmat lebih dedikasi. Ertinya bersedia memperbaiki mutu perkhidmatan dan kaedah-kaedahnya.

Saya percaya Jabatan Penjara sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatannya itu yang mana setakat ini Jabatan Penjara adalah sebuah jabatan yang berkredibiliti dengan menahan banduan secara terkawal, melayani mereka selayaknya dengan berperikemanusiaan sebagaimana yang diperuntukan oleh undang-undang.

Sebenarnya ada lagi tugas dan tanggungjawab penting yang dibebankan kepada Jabatan Penjara, iaitu pemulihan banduan-banduan. Ertinya mereka itu ditahan berikutan sesuatu kesalahan. Maka dengan itu mereka juga perlu dipulihkan.

Sungguhpun tahanan bagi satu-satu tempoh berada dalam penjara itu adalah sebagai hukuman yang setimpal dengan kesalahan menurut undang-undang, namun selama dalam tahanan itu banduan-banduan juga berpeluang untuk dipulihkan, dan kerana itulah ada diadakan program-program pemulihan.

Maka kita semua berharap program-program pemulihan yang dibuat oleh Jabatan Penjara akan terus menerus digiatkan, ditingkatkan sambil sentiasa pula dikaji dan dinilai keberkesanannya.

Perkara pemulihan ini adalah sangat mustahak dan sudah menjadi agenda dalam bidang tugas kerja penjara serantau dan antarabangsa. Dua tahun yang lalu Jabatan Penjara telah berjaya menjadi tuan rumah Persidangan Asia dan Pasifik bagi Pentadbir Koreksional Yang Ke-32 yang mana program pemulihan banduan-banduan telah menjadi agenda utamanya.

Kejayaan menjadi tuan rumah persidangan yang berprestij itu adalah bukti keupayaan Jabatan Penjara sebagai sebahagian institusi penjara yang berkredibiliti di rantau Asia dan Pasifik. Dalam waktu yang sama Jabatan Penjara juga mendapat pengiktirafan dalam usahanya merancang dan melaksanakan program-program pemulihan banduan menurut piawaian serantau dan antarabangsa.

Sebenarnya kita di negara ini tidak sahaja menahan pesalah-pesalah dan melayan mereka menurut piawaian antarabangsa. Kita juga berbuat ehsan kepada mereka.

Misalnya kita ada memberikan "ration" permakanan yang bermutu tinggi berharga \$18 sehari kepada setiap banduan. Itu baharu setakat permakanan, tidak termasuk kos bagi lain-lain kemudahan seperti peralatan persendirian dan logistik.

Untuk makluman bersama, pada masa ini, menurut rekod Jabatan Penjara pada bulan Januari hingga 15hb Mac tahun 2014 ini, ada seramai 543 orang banduan dan tahanan di kesemua institusi penjara kita. Dengan kos permakanan \$18 sehari bagi setiap banduan, maka Kerajaan adalah berbelanja sebanyak \$3.56 juta setahun.

Jumlah perbelanjaan makan minum banduan dan tahanan dengan angka jutaan ringgit setahun itu tidaklah membanggakan. Ia sebenarnya menunjukkan negara ini mencatatkan bilangan pesalah-pesalah yang agak ramai menurut nisbah bilangan penduduk kita yang tidak sampai setengah juta orang.

Bilangan 543 orang banduan dan tahanan itu termasuklah sebilangannya yang berulang alik masuk penjara. Maka disini makin jelas kepentingan program pemulihan dilakukan dengan lebih berkesan. Dalam usaha itu Jabatan Penjara sayugialah lebih kreatif disamping meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi lain, termasuk agensi-agensi di luar Kerajaan.

Usaha mengurangkan bilangan banduan dan tahanan ini ada kaitannya juga dengan program-program pendidikan dan dakwah. Kedua-duanya adalah saluran untuk mendidik serta menyedarkan seseorang untuk menjadi warganegara yang baik, yang patuh kepada undang-undang. Kita percaya Jabatan Penjara sudahpun menjalin kerjasama yang strategik dengan agensi-agensi pendidikan dan dakwah dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kerjasama dengan agensi pendidikan dan dakwah itu akan menolong mencapai objektif mengurangkan bilangan pesalah-pesalah baharu dan banduan serta tahanan yang berulang.

Maka dalam suasana sambutan 60 tahun ini saya ingin menyatakan rasa gembira menyertai rasa kegembiraan semua warga Jabatan Penjara yang mana tentunya mereka itu juga bersyukur ke hadrat Allah kerana dapat berkhidmat dalam bidang tugas keamanan dan keselamatan, suatu khidmat bakti yang mulia. Dan dalam waktu yang sama mereka hendaklah juga bersedia menempuh cabaran tugas dan tanggungjawab yang tentunya akan meningkat dan berkembang menurut keadaan, termasuklah misalnya dengan negara mempunyai tambahan undang-undang iaitu Perintah Kanun Jenayah Syar'iah, 2013 yang akan mula dikuatkuasakan dalam tiga fasa selama tempoh 18 bulan iaitu secara berperingkat-peringkat mulai 1hb April 2014, selama 18 bulan, tidak sampai dua minggu dari sekarang.

Demikianlah. Saya mengucapkan selamat menyambut ulang tahun ke-60 Jabatan Penjara dengan mendoakan semua yang berkenaan dalam perkhidmatan penjara beserta keluarga mereka akan mendapat perlindungan Allah, selamat sejahtera dan bahagia.

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

- **Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman.**
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Pejabat Menteri,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Bandar Seri Begawan.
Khamis, 18 Jamadilawal 1435/20 Mac 2014.